



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA 3
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-7727 6166
<http://www.smkbu3.edu.my>
bea8643@moe.edu.my



Ruj. Kami : BU3.600-4/1/2 (63)
Tarikh : 17 Mac 2022

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga dan Pelajar SMKBU3.

Tuan,

PENGAMBILAN SIJIL ASAL PEPERIKSAAN SPM DAN SIJIL ASAL 1119 SEHINGGA TAHUN 2020

Perkara di atas dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sijil asal **Peperiksaan SPM dan sijil asal 1119 Sehingga Tahun 2020** telah diterima dari Lembaga Peperiksaan dan murid atau wakil boleh hadir bagi mengambil sijil berkenaan.

3. Pengambilan sijil adalah seperti ketetapan berikut :

Hari : Isnin hingga Jumaat (*ditutup pada hujung minggu dan cuti umum).

**Masa : 9 pagi hingga 12 tengahari sahaja (*Isnin hingga Khamis).
9 pagi hingga 11:30 pagi sahaja (*Jumaat sahaja).**

Pakaian : Berpakaian sopan.

Dokumen yang perlu dibawa : Sila bawa Kad Pengenalan Asal / Pasport Asal / Sijil Kelahiran Asal murid berkenaan. Bagi wakil yang mengambil sijil berkenaan juga diminta membawa Kad Pengenalan Asal untuk tujuan rekod. (*salinan fotostat tidak diterima).

Lokasi : Pejabat Sekolah SMKBU3, Blok B, Tingkat 1.

Kehadiran : Hanya seorang (1) sahaja wakil dibenarkan hadir untuk mengambil sijil berkenaan dengan mematuhi SOP (*memakai pelitup muka dan mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera).

4. Kegagalan tuan untuk tidak mematuhi seperti perkara diatas akan menyebabkan sijil berkenaan **tidak dapat diserahkan** kepada tuan memandangkan sijil berkenaan adalah sijil asal.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZLIZA BINTI MXT LAZIM)
PENGETUA CEMERLANG,
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3).**